

24 MAR 2000

Mahathir-Olimpik/I

MAHATHIR HARAP TAWARAN KL JADI TUAN RUMAH OLIMPIK TERCAPAI

PUTRAJAYA, 24 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kemudahan sukan yang hebat di Malaysia dan keupayaan mengendalikan acara sukan antarabangsa seharusnya diambil kira dalam memutuskan tempat bagi Sukan Olimpik 2008.

Perdana Menteri berkata meskipun ia merupakan tawaran pertama pernah dibuat oleh Kuala Lumpur untuk menjadi tuan rumah Olimpik, beliau menaruh harapan yang ia akan berjaya.

"Kita harap kita berjaya menjadi tuan rumah walaupun ini cubaan kita yang pertama. Tetapi jika kita gagal, kita pasti akan terus membuat penawaran setiap empat tahun," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan Jalur Gemilang kepada Pasukan Rali Proton-PERT yang akan mewakili Malaysia pada kejohanan Rali Gudang Garam Indonesia pada 31 Mac hingga 3 April ini.

Dr Mahathir ditanya mengenai usaha Malaysia bagi menjadi tuan rumah kepada acara sukan terbesar dunia itu dan bersaing dengan tawaran negara lain seperti Beijing dan Osaka yang dilaporkan memberi cabaran yang semakin kuat.

"Malaysia sudah pasti tidak mampu membelanjakan jumlah wang yang besar untuk tujuan ini tetapi kita benar-benar berharap mereka akan melihat keupayaan, kemudahan kita dan memberi pertimbangan kepada aspek ini," katanya.

Bandar raya lain yang berminat menjad tuan rumah bagi Olimpik 2008 ialah Bangkok, Kaherah, Istanbul, Seville, Havana, Paris dan Toronto.

Dr Mahathir berkata menurut peraturan baru Majlis Olimpik Antarabangsa (IOC), negara-negara yang membuat tawaran tidak perlu terlalu banyak berkempen bagi mempengaruhi anggota majlis itu.

"Negara-negara itu tidak boleh menjemput mereka dan melayani mereka seperti sebelum ini. Ini merupakan kempen yang jauh lebih telus dan bersih," katanya.

Peraturan baru IOC diperkenalkan berikutan skandal rasuah yang timbul daripada tawaran Bandaraya Salt Lake untuk menjadi tuan rumah Olimpik Musim Sejuk 2002.

Mengenai kegagalan Terjunan Alaf baru di Kutub Selatan, Dr Mahathir menyuarakan rasa kecewanya kerana ia tidak dianjurkan dengan baik dan pasukan itu gagal dalam misi mereka.

"Meskipun saya kecewa mengenainya, saya harap orang lain tidak tawar hati daripada melakukan usaha bagi membuktikan bahawa Malaysia Boleh," katanya.

Ketika ditanya mengenai dakwaan bahawa ada orang yang dikatakan menipu mengenai terjunan terbabit, Dr Mahathir berkata: "Saya tahu. Ia amat buruk sekali. Saya tidak dapat menerimanya.

"Jika kita gagal, okay kita gagal. Lebih baik kalah secara sporting daripada cuba mengatakan kita menang sedangkan (yang sebenarnya) kita tewas."

Pasukan Malaysia itu gagal membuat terjunan di garisan Kutub Selatan (GSP) seperti yang dirancang tetapi berjaya melakukannya di Patriot Hill, terletak lebih daripada 1,000km dari GSP.

Dr Mahathir juga berkata rakyat Malaysia mesti berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan keupayaan dan kemahiran bagi membolehkan mereka menyertai kejohanan-kejohanan bertaraf dunia, termasuk dalam acara rali.

-- BERNAMA

MAM LAT